

SKOP PERLINDUNGAN DASAR ISMS

Prosedur ini diguna pakai bagi melindungi semua bentuk maklumat perkhidmatan utama MPK seperti di Para 5 di atas. Perlindungan keselamatan merangkumi maklumat yang dimasukkan, diwujud, dimusnah, disimpan, dijana, dicetak, diakses, diedar, dalam penghantaran, dan yang dibuat salinan. Ini akan dilakukan melalui pewujudan dan penguatkuasaan sistem kawalan dan prosedur dalam pengendalian semua aset ICT berikut:

PERKAKASAN

Semua aset yang digunakan untuk menyokong pemprosesan maklumat dan kemudahan storan. Contoh komputer, pelayan, peralatan komunikasi dan sebagainya.

PERKHIDMATAN

Perkhidmatan atau sistem yang menyokong aset lain untuk melaksanakan fungsi-fungsinya. Contoh:

- A). Perkhidmatan rangkaian seperti LAN, WAN dan lain-lain.
- B). Sistem halangan akses seperti sistem kad akses.
- C). Perkhidmatan sokongan seperti kemudahan elektrik, penghawa dingin, sistem pencegah kebakaran dan lain-lain.
- D). Lokasi fizikal yang menempatkan aset ICT.

MANUSIA

Individu yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran untuk melaksanakan skop kerja harian bagi mencapai misi dan objektif agensi. Individu berkenaan merupakan aset berdasarkan kepada tugas-tugas dan fungsi yang dilaksanakan.

PERISIAN

Program, prosedur atau peraturan yang ditulis dan dokumentasi yang berkaitan dengan sistem pengoperasian komputer yang disimpan di dalam sistem ICT.

Contoh perisian aplikasi atau perisian sistem seperti sistem pengoperasian, sistem pangkalan data, perisian sistem rangkaian, atau aplikasi pejabat yang menyediakan kemudahan pemprosesan maklumat.

DATA ATAU MAKLUMAT

Koleksi fakta-fakta dalam bentuk kertas atau mesej elektronik, yang mengandungi maklumat-maklumat untuk digunakan bagi mencapai misi dan objektif MPK. Contohnya, sistem dokumentasi, prosedur operasi, rekod-rekod, pangkalan data, fail-fail data dan lain-lain.